

3

**PERBILANGAN ADAT:
SATU PENILAIAN HASIL
PENYELIDIKAN¹**

**Oleh:
DHARMAWIJAYA**

PENGENALAN

Penyelidikan amat penting peranannya dalam proses pembangunan manusia dan memperkaya sumber kebenaran serta keilmuan. Ia menjadi input utama kepada sebarang cadangan praktis ke arah penyambungan, penyesuaian, perubahan struktur dan norma masyarakat yang berkesan. Dengan demikian, sesuatu bidang penyelidikan memerlukan penyelidikan-kannya menggunakan proses pemikiran konseptualisasi untuk memastikan keberhasilannya. Ini bererti manipulasi-interpretasi simbol-simbol dan konsep-konsep menjadi inti kepada proses penyelidikan.

Di samping semuanya itu, setiap penyelidikan perlu mempunyai suatu rangka kaedah penyelidikan yang baik, kemas dan fleksibiliti. Seterusnya, kaedah-kaedah penyelidikan juga perlu mempunyai objektif. Ini adalah disebabkan setiap bidang penyelidikan, tidak terlepas daripada melibatkan faktor manusia dan objektif-

nya saling berkait dengan faktor-faktor lain seperti sosial, ekonomi dan politik setempat. Begitu juga kaedah penyelidikan memerlukan kawasan teliti supaya tidak terdapat pengaruh luar yang mengganggu kesimpulan penyelidikan.

Apabila peranan penyelidikan dan kaedah-kaedah yang digunakan itu, dihubungkan dengan perbilangan adat, maka kedua-duanya ini akan turut pula memerlukan kelainan kepentingan di samping kesulitan yang dihadapi. Hal demikian timbul kerana perbilangan adat ialah rangkaian kata-kata atau ungkapan-ungkapan yang membawa konotasi adat, iaitu peraturan dan petunjuk yang dijadikan pedoman, amalan serta pegangan dalam seluruh aspek kegiatan anggota masyarakat pendukung adat tersebut. Melalui amalan serta pegangan itu terbentuklah sikap hidup yang melambangkan jati diri anggota masyarakatnya.

Setiap rangkaian kata-kata atau ungkapan-ungkapan yang digolongkan sebagai perbilangan

adat itu, mempunyai pula ciri-ciri keistimewaan. Ada yang jelas seperti dalam gambaran:

Kata adat banyak kiasan,
Ditunjuk dia tetapi bukan,
Bergulung pendek panjang
direntang,
Tidak faham kalau tak
direnungkan.

Daripada gambaran ini menunjukkan keistimewaan perbilangan adat, khususnya Adat Perpatih terletak pada kehalusan, keluasan, kedalaman dan ketajaman pemikiran. Ini termasuklah jenis-jenis perbilangan adat yang antaranya mitos dan legenda, kata-kata istiadat, undang-undang dan falsafah. Sebilangan besar jenis-jenis itu pula adalah terdiri daripada jenis falsafah. Ia berupa jalinan pepatah petiti dan bidalan meliputi seluruh bidang kegiatan kehidupan yang memerlukan interpretasi atau tafsiran.

Justeru demikian, maka penyelidikan perbilangan adat keberkesanan serta keberhasilannya yang memastikan sumber kebenaran, tidak akan melalui proses yang mudah. Selain proses penyelidikan menggunakan pendekatan antropologi-sosiologi sebagai landasan dasarnya turut juga

ditunjangi oleh pendekatan-pendekatan etika dan sosiologi sastera.

Hasil Penyelidikan

Sehingga kini, hasil penyelidikan yang memberi tumpuan langsung kepada perbilangan adat ternyata amat kecil jumlahnya. Antara yang ditemui dan dapat dikemukakan, iaitu usaha para penyelidik daripada pelbagai latar adalah seperti berikut:

1. A. Caldecott. 'Jelebu Customary Songs and Sayings' dengan pendahuluan dan catatan-catatan oleh R.O. Winstedt, *Journal of the Straits Branch Royal Asiatic Society (JSBRAS)*, No. 78.
2. H.L. Humphrey, "A Naning Wedding Speech", *JSBRAS*, Vol. LXXII. 1916.
3. A. Hyde. 'A Naning Terombo'. *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society (JMBRAS)*. Vol. VI Part 4. 1928.
4. R.O. Winstedt. 'Some Rembau Customary Sayings'. *JMBRAS*. Vol. VI Part 4. 1928.

5. R.O. Winstedt. 'A Jelebu Customary Saying'. *JMBRAS*. Vol. IX. Part 1. 1931. Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1974/75
6. Muhammad Isa Mahmud Biduanda. *Terombo Adat Perpatih Temenggung atau Undang-undang Dua Belas*. Batu Pahat: Teruna Press. 1938.
7. Mohd. Din Ali. *Sambaan Chakap dan Pepatah Adat Melayu*. Kuala Lumpur: The Economy Press. 1957.
8. Ibrahim Atin. *Perbilangan Adat*. Pulau Pinang: Sinaran Brothers. 1959.
9. Abdul Rahman Haji Muhammad. *Dasar-dasar Adat Perpatih*. Kuala Lumpur Pustaka Antara. 1964.
10. Abdul Samad Idris. 'Kemurnian dalam Adat Perpatih'. *Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih*. Seremban. 1974.
11. Hashim A. Ghani. 'Kata Perbilangan dan Tafsirannya'. *Seminar Persejarahan dan Adat Perpatih*. Seremban. 1974.
12. Abdul Jabbar Kassim. *Peranan Kata-kata di dalam Perbilangan Adat Perpatih*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Institut Bahasa
13. Shahidan Mukhtar. *Kata-kata Perbilangan dalam Adat Perpatih: Satu Analisa Umum*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1974/75.
14. Shamsiah Abdul Rahim. *Bahasa Perbilangan dalam Istiadat Perkahwinan dalam Adat Perpatih: Satu Contoh*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda. Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. 1974/75.
15. Mokhtar Haji Muhammad Dom. *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*. Kuala Lumpur: Federal Publications. 1977.
16. Aishah Sharif. 'Ciri-ciri menarik dari Perbilangan Adat Perpatih'. *Warisan*. Bil. 6. 1981.
17. Dharmawijaya. 'Perbilangan Adat Perpatih: Ditinjau dari Segi Keindahan Bahasanya. (1984). dalam Samad Idris, A. dll. (peny.). *Adat Merentas*

Zaman. Seremban: Jawatan-kuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan. 1994.

18. Abdul Samad Idris. 'Secebis Mengenai Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya'. *Seminar Adat Perpatih*. Seremban. 1996.

Di samping itu, terdapat juga hasil penyelidikan tentang bidang atau aspek tertentu yang para penyelidikannya lebih banyak meng-
hubung kaitkan dengan perbilangan adat. Antara yang perlu disertakan:

1. Abdul Samad Idris. *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dari Segi Sejarah dan Kebudayaan*. Seremban: Pustaka Asas Negeri. 1970.
2. Abdullah Siddik. *Pengantar Undang-undang Adat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1975.
3. Nordin Selat. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Melayu. 1976.
4. Norhalim Hj. Ibrahim. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1993.

5. Norhalim Hj. Ibrahim. *Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1996

Begitulah hasil-hasil penyelidikan yang memberi tumpuan langsung atau tidak langsung kepada perbilangan adat. Hasil-hasil tersebut yang ditemui dalam bentuk-bentuk makalah, kertas kerja, latihan ilmiah dan buku, diusahakan oleh tiga latar atau golongan penyelidik, iaitu orientalis barat, orang-orang Melayu dan anak kelahiran Negeri Sembilan sendiri.

Penilaian Hasil Penyelidikan

Hasil-hasil penyelidikan ini seperti yang digambarkan oleh tajuk-tajuknya, telah dengan mudah menemukan dua kesan. Pertama, pada keseluruhannya hasil penyelidikan itu, tidak menepati kedudukan perbilangan adat sebagai cerminan aspek-aspek kehidupan dalam kesatuan yang padu dan menyeluruh. Hasil-hasilnya terlihat semacam terpisah-pisah atau berupa episod-episod sahaja. Umpamanya sebagai yang dapat dikesani dalam hasil penyelidikan A. Caldecott yang antaranya tentang terombo asal usul Adat Minangkabau; perbezaan Adat Perpatih dengan Adat Temenggung; sistem

pentadbiran; undang-undang jenayah; perkahwinan dan harta; dan kata-kata falsafah adat. Kedua hasil penyelidikan tentang perbilangan adat yang merujuk aspek kehidupan tertentu, terhasil secara umum, kurang terperinci dan kurang mendalam. Ini sebagai yang terkesan jelas dalam kebanyakan makalah dan kertas kerja.

Hasil penyelidikan dalam bentuk buku pula, lebih merupakan pengumpulan atau pendokumentasian perbilangan adat yang merangkumi terombo, pepatah petitih dan bidalan. Dengan demikian, begitu kurang ditemui proses penyelidikan yang dilandasi oleh penelitian, penghuraian dan penafsiran. Keadaan seperti ini jugalah ditemui dalam hasil penyelidikan H.L. Humphrey yang mengusahakan pengumpulan perbilangan adat di daerah Naning, iaitu melalui seorang Melayu bernama Ungkai Lisut yang menjadi ketua kampung di Alor Gajah. Namun keadaan ini tidak ditemui dalam buku-buku yang menyelidikannya tentang aspek-aspek tertentu, seperti *Sistem Sosial Adat Perpatih dan Perkahwinan Adat di Negeri Sembilan*. Buku-buku ini, aspek penyelidikannya yang menghubungkan kaitkan dengan perbilangan adat, terhasil lebih

sistematik, terperinci dan mantap.

Selain itu, daripada latar dan sikap para penyelidik turut juga menimbulkan beberapa kelemahan lain dalam hasil penyelidikan mereka. Orientalis-orientalis barat seperti A. Caldecott, A. Hyde, B.J. Brown dan beberapa orang lagi, pada umumnya kurang menyelidik dan kurang memahami sistem sosial dan falsafah dalam himpunan perbilangan adat itu. Lantaran demikian, mereka membuat interpretasi dari sudut pandangan berasaskan sistem sosial dan falsafah masyarakat mereka sendiri. Pendekatan serta acuan yang bertentangan ini, selain ditemui kesalahan penyebutan nama, istilah dan konsep, banyak pula ditemui kesalahan penterjemahan ke bahasa Inggeris. Antaranya, terjemahan A. Caldecott tentang ungkapan-ungkapan 'tikam bunuh' dan 'upas racun', ternyata jauh menyimpang daripada konsep dalam perbilangan adat jenis undang-undang mempunyai interpretasi yang tetap dan rigid.

Penyelidik-penyelidik tempatan, iaitu orang-orang Melayu, kebanyakannya terdiri daripada anak kelahiran Negeri Sembilan. Dalam hasil-hasil penyelidikan mereka, ditemui unsur yang dominasi oleh

sikap *ethnocentric*, iaitu megah terhadap adat. Oleh itu, proses penyelidikan mereka lebih banyak dilandasi oleh sikap kemegahan sehingga terabai pertimbangan realiti dan rasional dalam perbilangan adat itu sendiri. Sikap ini telah menggerakkan kecenderungan mereka membuat deskripsi secara berlebih-lebihan tanpa interpretasi yang wajar dan meyakinkan tentang kebenarannya. Tidak kurang pula proses penyelidikan mereka yang merujuk hasil-hasil penyelidikan orientalis-orientalis barat sebagai sumbernya. Dengan itu, hasil-hasil penyelidikan seperti ini walaupun diusahakan oleh penyelidik tempatan tetapi kandungan atau isinya masih dibayangi serta ditunjangi oleh pandangan barat.

Selanjutnya, hakikat perbilangan adat iaitu 'banyak kiasan' dan 'tak faham kalau tak direnungkan', masih juga belum ditemui penyelesaiannya dalam hasil-hasil penyelidikan. Penelitian, pemahaman dan penghayatan tentang simbol-simbol atau lambang-lambang dan konsep-konsep dalam rangkaian kata-kata atau ungkapan-ungkapan perbilangan adat tersebut, tidak menunjukkan terhasil daripada daya imaginasi serta interpretasi para penyelidik yang luas,

mantap dan mendalam. Dalam hubungan ini, tulisan A.F. Yassin bertajuk 'Pepatah Laksana Sirih Sesusun atau Nyior Setali' (*Utusan Malaysia*, 13 Mac 1971), dapat diambil sebagai rangsangan, saranan dan landasan penyelidikan yang bererti. Sayangnya, setelah lebih 25 tahun berlalu, 'mutiara fikir' dalam tulisan A.F. Yassin itu, belum diterokai dan diselami oleh para penyelidik secara berkesan.

Kelemahan-kelemahan atau kekurangan-kekurangan dalam hasil-hasil penyelidikan perbilangan adat ini, telah menimbulkan kemelut yang berpanjangan dan seolah-olah tanpa ditemui penyelesaian yang menyenangkan. Umpamanya, kemelut yang berhubungan dengan konsep-konsep:

1. Biar mati anak jangan mati adat
2. Muafakat lalu dalam gelap. Adat lalu dalam terang
3. Perkahwinan dan Perceraian.
4. Orang Semenda dan Orang Tempat Semenda
5. Harta: Carian dibahagi, Dapatan tinggal, Pembawa kembali.

Konsep-konsep ini, antara yang menjadi inti jalinan struktur atau sistem aspek kehidupan masyarakat pendukung adat, sentiasa menimbulkan tanggapan negatif dan sering menimbulkan krisis sosial. Situasi demikian ditemui adalah berpunca daripada beberapa faktor. Antaranya, ketidak fahaman tentang latar belakang sejarah kemunculan serta perkembangan konsep-konsep tersebut yang kedudukannya sebagai rangkaian kata-kata atau ungkapan-ungkapan perbilangan adat. Seterusnya, kurang kritikal dari segi penelitian, pemahaman dan penghayatan tentang pelaksanaan hakikat serta semangat adat sebagai:

Usang-usang diperbaharui
Lapuk-lapuk dikajangi
Yang elok dipakai
Yang buruk dibuang.

Kalau singkat mintak disambung
Kalau panjang mintak dikerat
Kalau koyak mintak ditampal.

Namun begitu, hasil-hasil penyelidikan dalam bentuk pengumpulan atau pendokumentasian perbilangan adat, setakat yang ditemui sudah dapat diterima sebagai lengkap. Walaupun terdapat perbezaan antara daerah-daerah tetapi maksud konsepnya adalah

sama; cuma rangkaian kata-kata atau ungkapan-ungkapannya sahaja berbeza yang timbul daripada interpretasi untuk menemukan kesesuaiannya dengan suasana tempat.

Kesimpulan dan Cadangan

Sejauh ini, hasil penyelidikan tentang perbilangan adat dalam bentuk yang komprehensif dan interpretatif, belum ditemui. Hasil-hasil yang ada lebih bersifat bahan-bahan rangsangan yang menuntut penyelidikan terperinci. Justeru untuk mengisi kekosongan ini, kesedaran serta kesungguhan perlu diberikan keutamaan. Untuk mengisi matlamatnya, maka gabungan tenaga daripada pelbagai bidang keilmuan adalah satu cara yang praktis, terutama bidang-bidang sejarah, antropologi, sosiologi, ekonomi, agama, undang-undang, adat istiadat, bahasa dan sastera. Ini kerana perbilangan adat merupakan tradisi intelek Melayu. Dengan penggabungan tenaga demikian, akan terhindarlah sentimen dan prasangka sepanjang proses penyelidikannya.

Dalam mewujudkan gabungan tenaga ini, pandangan Kamaruddin Ngah, bahawa, 'Kepakaran Tempatan Perlu Diiktiraf'

(*Berita Harian*, 15 Julai 1988), dapat diterima sebagai pandangan yang sesuai dan ada kerationalan-nya dalam konteks penyelidikan perbilangan adat. Sekadar menyebut beberapa nama, antaranya Abdul Samad Idris, Nordin Selat, Norhalim Hj. Ibrahim, Norazit Selat, Shamsul Amri Baharuddin, Abdul Samad Hadi, Abu Hassan Othman, dan Azizah Kassim adalah nama anak kelahiran Negeri Sembilan yang mempunyai kepakaran yang dapat dipertanggungjawabkan bagi kepentingan penyelidikan

tersebut. Tambahan pula, mereka ini telah lama menunjukkan minat, kesungguhan dan kewibawaan dalam penghasilan penyelidikan aspek-aspek tertentu tentang kesan pelaksanaan Adat Perpatih.

Lebih penting daripada semuanya ini ialah hakikat 'adat tak lapuk dek hujan dan tak lekang dek panas' itu dapat dipertahankan kemuliaan serta kemurniaannya, di tengah-tengah arus perdana pemodenan yang dihadapi kini.

Nota

- ¹ Kertas kerja *Seminar Pengemaskinian Pensejarahan Negeri Sembilan*, anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan di-Allson, Klana Resort Seremban pada 29 Ogos 1996.

BIBLIOGRAFI

- Bailey, Kenneth D. *Methods of Social Research*, London: Free Press. 1978.
- Deutscher, Irwin. *Sociological Research Method*. London: Macmillan. 1977.
- Dickie, Goerge. *Aesthetics*. New York: Pegasus. 1971
- Harun Mat Piah, *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1989.
- Koentjaraningrat. *Metode-metode Penelitian Masyarakat*. Jakarta: Penerbit P.T. Gramedia. 1973.
- Nordin Selat. 'Pengumpulan dan Pengajian Terhadap Perbilangan Adat Perpatih: Tinjauan Terhadap yang Sudah Dilakukan dan Cadangan-cadangan untuk Masa Depan'. dalam Mohd. Taib Osman (peny.). *Tradisi Lisan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia. 1975.
- Thomas, Owen. *Methaphor*. New York: Random House, 1969.
- Todorov, Tzvetan. *Theories of the Symbol*. Oxford: Basil Blackwell. 1982.
- Wadjiz Anwar. *Filsafat Estetika*. Yogyakarta: Nur Cahaya. 1980.